

28 MAR 2002

ALGERIA-PELUANG/I

MENTERI PELAWA SYARIKAT MALAYSIA MELABUR DI ALGERIA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Algeria menawarkan pelbagai peluang perniagaan untuk syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya di dalam sektor pengeluaran, kata menteri perniagaan dan perdagangannya Hamid Temmar.

Beliau berkata terdapat banyak prospek untuk syarikat-syarikat Malaysia melibatkan diri seperti di dalam pengeluaran barangan elektrik, elektronik dan mekanikal.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia juga boleh mengambil bahagian dalam projek pembangunan tiga tahun negara berkenaan yang bernilai AS\$7.5 bilion (AS\$1=RM3.80), kata beliau kepada Bernama selepas menghadiri satu ceramah mengenai peluang-peluang pelaburan di Algeria di sini hari ini.

Projek-projek pembangunan yang bermula pada bulan Julai tahun lepas melibatkan pembinaan bangunan, jalan-jalan kecil dan projek berkaitan dengan pertanian.

"Kami bergantung sepenuhnya kepada minyak negara, dan kami mahu mempelbagaikan aktiviti daripada minyak dan aktiviti berkaitannya kepada aktiviti yang lebih bersifat perindustrian dan perkilangan, dan oleh sebab itulah Malaysia amat penting kepada kami," kata beliau.

Hamid dan delegasinya tiba pada hari Selasa dalam rangka lawatan untuk mengukuhkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Terdahulu hari ini, beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di mana mereka membincangkan cara-cara memperluaskan lagi hubungan politik kedua-dua buah negara kepada hubungan ekonomi yang lebih kukuh.

"Apa yang kami mahukan sekarang ialah berusaha dan mengukuhkan lagi hubungan dengan mengadakan hubungan komersil dan ekonomi dengan lebih padu dan kekal selama-lamanya," kata beliau.

"Untuk menjayakannya, kita perlu membentuk satu kerangka kerja, sama ada institusi ataupun sebaliknya, supaya masyarakat perniagaan kita boleh bekerjasama," kata beliau.

Algeria terletak di Afrika Utara. Secara tradisinya Algeria yang dikenali sebagai Al Magrib (Barat), merupakan negara terbesar daripada tiga buah negara termasuklah Morocco dan Tunisia dan negara kedua terbesar di Afrika. Ia mempunyai jumlah penduduk 31.7 juta.

Tahun lepas, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Algeria ialah AS\$32.5 juta, dengan eksport Malaysia ke Algeria bernilai AS\$30.7 juta, sementara import pula ialah AS\$1.8 juta.

Sementara itu, Penasihat Menteri yang bertanggungjawab kepada Pegangan Saham dan Penyelarasan Pembaharuan Negara, Hamoud Benhamdine berkata yang Algeria telah membuka perdagangannya kepada semua pelabur dalam tahun 1994.

"Kami mempunyai pasaran yang besar dan banyak projek perindustrian, kimia, kerja pembinaan, pembiayaan dan ini semuanya menawarkan peluang perniagaan untuk ahli-ahli perniagaan kedua-dua buah negara," kata beliau.

Hamoud berkata syarikat Malaysia yang melabur di Algeria juga boleh menembusi pasaran-pasaran Afrika Utara dan pasaran Eropah memandangkan negara itu telahpun menandatangani perjanjian kerjasama untuk memasuki zon bebas dengan Eropah.

Naib presiden Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) Datuk Syed Amin Al Jeffri berkata Algeria merupakan sebuah pasaran baru yang boleh diterokai oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Ia juga merupakan "tingkap" untuk memasuki pasaran Eropah kerana pada asalnya Algeria sememangnya begitu rapat dengan Eropah, terutamanya

Perancis, kata beliau.

Bagaimanapun, Syed Amin mahu kerajaan kedua-dua buah negara menangani beberapa halangan, sambil berkata yang kesukaran mungkin timbul bagi pengangkutan produk melainkan jika kedua-dua buah negara mempunyai rangkaian fret terus, sama ada menerusi udara atau laut.

Beliau berkata NCCIM akan meneliti beberapa butiran terperinci dengan kedutaan Algeria di sini sebelum membentuk rangkaian dengan Dewan Perdagangan Algeria dan majlis perniagaanya yang lain.

Langkah pertama ialah menembusi tapak web mereka dan menggalakkan ahli-ahli menjalinkan hubungan dengan rakan-rakan niaga di Algeria, kata beliau. -- BERNAMA

AFY FR AA